MALAYSIA MADANI

KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

SATU TAHUN NRECC

BERSAMA:

NIK NAZMI NIK AHMAD



Pelaksanaan Program *Green Electricity Tariff* (GET) 2023



Program *Green Electricity Tariff* (GET) 2023 merupakan salah satu daripada usaha Kerajaan untuk **menggalakkan penerapan** dan **penggunaan TBB** di kalangan pengguna elektrik bagi menyokong aspirasi Kerajaan **bagi mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050.**

2

Pelancaran *Malaysia Energy Transition Outlook* (METO)



Majlis Pelancaran hasil kajian yang dilaksanakan oleh *International Renewable Energy Agency* (IRENA) yang berpangkalan di Abu Dhabi adalah berkenaan potensi pembangunan industri tenaga (elektrik)

Potensi pembangunan industri tenaga (elektrik) terutama sekali TBB di Malaysia memberikan beberapa senario kemasukan TBB di dalam sistem pembekalan elektrik negara

Mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT)

Penawaran kuota

180MW

hidrokuasa kecil, biogas dan biojisim di bawah mekanisme FiT secara e-bidding untuk **meningkatkan campuran TBB dalam pembekalan elektrik negara.**



Program Geran Audit Tenaga Bersyarat dan Pengurusan Tenaga di Sektor Industri dan Komersial (*Energy Audit Conditional Grant* - EACG 2.0)

Menggalakkan sektor industri dan komersial melaksanakan audit tenaga bagi mengenal pasti potensi penjimatan tenaga (*Energy Saving Measures* - ESM) di pepasangan atau bangunan milik mereka.

Bagi tahun 2023, sebanyak RM 14 juta nilai geran telah diluluskan oleh NRECC.

Menyediakan bantuan kewangan (geran bersyarat) kepada pemilik pepasangan/bangunan yang berkelayakan untuk menjalankan audit tenaga, dengan syarat pemilik pepasangan/bangunan tersebut perlu melaksanakan langkah-langkah penjimatan tenaga yang telah dikenal pasti dalam laporan audit tenaga, dengan nilai pelaburan yang sama atau melebihi nilai geran yang diterima.



Rang Undang-Undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga



Rang Undang-Undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga ini telah diluluskan di persidangan Dewan Rakyat pada 10 Oktober 2023 dan dijangka memberi penjimatan tenaga sebanyak 2,017 juta Giga Joule, bersamaan penghindaran karbon sebanyak 197,877 ktCO2. Manakala penjimatan kos utiliti adalah sebanyak RM97.1 bilion.

Pelarasan Tarif Elektrik di Bawah Mekanisme ICPT Pelaksanaan Subsidi Bersasar di Semenanjung



Melalui pelaksanaan Pelarasan tariff elektrik di bawah mekanisme ICPT Pelaksanaan Subsidi Bersasar di Semenanjung bagi tempoh Julai hingga Disember 2023, Kerajaan dapat menjimatkan peruntukan sebanyak **RM4.6 bilion.**

Penjimatan peruntukan dapat disalurkan kepada rakyat dalam pelbagai bentuk bantuan yang lain. **Kerajaan masih menampung kos subsidi elektrik yang tinggi berjumlah RM5.2 bilion** di bawah mekanisme Imbalance Cost Pass Through (ICPT) bagi tempoh Julai hingga Disember 2023. Manakala **jumlah keseluruhan penjimatan** bagi **Januari sehingga Disember** adalah sebanyak **RM 16 bilion.**

Pemberian rebat bil elektrik melalui Program Rebat RM40

Program ini merupakan bantuan Kerajaan secara bersasar untuk membiayai bil elektrik bulanan sehingga maksimum RM40 kepada Ketua Isi Rumah (KIR) berstatus miskin tegar yang berdaftar dan disahkan dalam Sistem eKasih.

YAB Perdana Menteri mengumumkan bahawa program ini akan diteruskan bagi tahun 2024.



Penubuhan Panel Penasihat Perubahan Iklim

Usaha ini adalah sebahagian daripada pendekatan *whole-of-nation* dalam proses membangunkan dasar perubahan iklim dengan memastikan penglibatan aktif daripada pemegang taruh melalui penubuhan Panel Penasihat Perubahan Iklim



Laporan Malaysia *Environmental Performance Index* MyEPI 2022

Profil prestasi alam sekitar setiap negeri dan penarafan bintang dibangunkan bagi tujuan memberi motivasi ke arah penambahbaikan kecemerlangan prestasi alam sekitar dan seterusnya mempromosikan kecemerlangan pengurusan alam sekitar, strategi, amalan terbaik dan inovasi yang menyokong persaingan sihat antara negeri dalam melaksanakan perundangan alam sekitar.



Tindakan pemeriksaan dan penguatkuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974



Sebanyak

206

kes mahkamah

(pertuduhan) yang telah selesai dengan nilai denda berjumlah **RM3,299,000.00** yang dikenakan ke atas pihak yang didapati bersalah kerana tidak mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Pelantikan Renjer Komuniti di bawah Program Rondaan dan Perlindungan (BP3)



Sebanyak **50 juta** telah diperuntukkan bagi melantik seramai **1,500 Renjer Komuniti** pada tahun 2023.

Inisiatif Biodiversity Protection and Patrolling Programme - BP3 merupakan usaha bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan ke arah membanteras kegiatan pencerobohan, pembalakan haram serta pemburuan hidupan liar.

Menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat terutama dalam kalangan Orang Asli/Asal, pesara tentera dan pesara polis serta komuniti setempat.

Pelaksanaan Operasi Bersepadu Khazanah sejak tahun 2019 sehingga Julai 2023 telah mencatatkan kejayaan dengan 531 tangkapan melibatkan sitaan **berjumlah RM123.91 juta.**


Insentif Kewangan bagi Konservasi Biodiversiti dan Hutan *(Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation - EFT)*

RM150 juta diperuntukkan di bawah inisiatif ini bagi tahun 2023. Sehingga Oktober 2023, hampir **RM127 juta** telah disalurkan kepada Kerajaan Negeri di bawah insentif ini.

- Meningkatkan kecekapan pengurusan biodiversiti melalui pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan perlindungan *(protected areas),* pemerkasaan penguatkuasaan serta meringankan beban rakyat yang berhadapan konflik manusia dan hidupan liar.

- Penyaluran peruntukan melalui EFT kepada Kerajaan-kerajaan Negeri telah ditingkatkan kepada RM200 juta bagi tahun 2024 bagi tujuan meningkatkan peratusan kawasan perlindungan, pengukuhan habitat hidupan liar terancam serta mengekalkan sumber biodiversiti negara

- Pada tahun 2022, sejumlah RM70 juta telah disalurkan kepada Kerajaan Negeri di bawah insentif ini.



Pengiktirafan *UNESCO GLOBAL GEOPARK* dan GEOPARK Kebangsaan

13

KINABALU UNESCO GLOBAL GEOPARK (UGGp)

Kinabalu Geopark merupakan Geopark kedua di Malaysia yang mendapat pengiktirafan sebagai UNESCO Global Geopark (UGGp) selepas Langkawi Geopark.

Geopark ini berkeluasan 4,750 km persegi; meliputi daerah Kota Belud, Kota Marudu dan sebahagian daerah Ranau serta mempunyai 46 geotapak, 12 biotapak, dan 8 tapak budaya.

Kenyir Geopark (30 Mei 2023) - Geopark ini mengandungi 15 geotapak (1 bertaraf antarabangsa, 2 bertaraf kebangsaan dan 12 bertaraf tempatan), 10 biotapak,11 tapak budaya dan 1 tapak geoarkeologi.


Lipis Geopark (9 November 2023) - Kawasan Lipis kaya dengan kepelbagaian geologi (28 geotapak) dan biologi (enam biotapak), serta budaya tempatan (sembilan tapak budaya).

Perlis Geopark (9 November 2023) – Geopark ini kaya dengan kepelbagaian geologi (23 geotapak), kepelbagaian biologi (8 biotapak), dan budaya tempatan (12 tapak budaya).

Pengeluaran Hakmilik Strata Bangunan Khas



Skim Pangsapuri Taman Tap, Teluk Intan, Perak Darul Ridzuan



Skim Pangsapuri Taman Batu Permai (Blok 24 & 26), Kuala Lumpur



Kejayaan pengeluaran hakmilik strata kepada syarikat pelikuidasi membuka jalan kepada proses pindahmilik hakmilik strata secara individiu kepada **432 pemilik petak** di Skim Pangsapuri Taman Batu Permai (Blok 24 & 26) Kuala Lumpur.

15

Penyelesaian Tunggakan Kes Pembahagian Pusaka Kecil



Pelantikan 100 orang pegawai Contract of Service (COS)

Penugasan semula (re-deployment) 86 orang pegawai Unit Petugas Khas (UPK).

Setakat 31 Ogos 2023, sebanyak 57,205 kes pembahagian pusaka melibatkan tunggakan dan kes baharu telah diselesaikan.

Pelancaran penghasilan baja daripada sisa kumbahan Bio-solid (baja) di antara IWK dengan Kebuniti di Loji Rawatan Kumbahan Bunus, Kuala Lumpur.

16





Pengembangan Projek Bio-solid melalui pelancaran pengeluaran 5 tan baja daripada 10 tan sisa enap cemar IWK bagi membantu golongan B40 memulakan projek tapak semaian.

Program Program Pengurusan Kadar Air Tidak Terhasil (NRW) Kebangsaan Pendekatan 1 dan 2

Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) dan Ranhill SAJ telah berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2021 di bawah Program Pengurusan Kadar Air Tidak Terhasil (NRW) Kebangsaan Pendekatan 2, ini melayakkan kedua-dua operator air ini mendapat imbuhan bayaran balik masing-masing sebanyak RM111,896,668.05 dan RM142,284,517.64.

17



Kempen Jimat Air 4.0.

Jumlah pemberian rebat bagi tahun 2023 adalah RM100,000.00, melibatkan 28 pembekal dan 429 bilangan model produk.

Pendaftaran produk SPPCA meningkat lebih 90% berbanding 2022 iaitu sebanyak 374 model produk.




118

Anugerah Cemerlang pada Global Water Awards 2023



Indah Water Konsortium (IWK) telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Cemerlang pada Global Water Awards 2023, di Berlin dalam kategori Agensi Air Awam Terbaik.

Penyerahan Lapan Projek Rancangan Memulihkan Koridor Sungai (RMKS) Di Bawah Pelaksanaan Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Kepada Kerajaan Negeri Sarawak



Pelaksanaan lapan (8) projek ini melibatkan peruntukan berjumlah RM63 juta bagi koridor-koridor

Sungai Batang Kayan-
Batang Balingian-
Batang Sadong di Pekan Gedong-
& Serian
Batang Sadong di Simunjan-

-Retaining Wall
Sungai Baram
-Rumah Naing
-Pekan Sabtu Oya
-Betong.

21

Projek Pembangunan Siap

Sebanyak 32 buah projek pembangunan yang telah disiapkan pada tahun 2023 dengan jumlah kos projek keseluruhan RM2,654,026,120.26



Projek pembangunan yang telah berjaya disiapkan:

- 12 projek dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
- 9 projek dari Bahagian Bekalan Air (BBA)
- 4 projek dari Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP)
- 3 projek dari Pasukan Projek Khas Bekalan Elektrik Sabah (PPKBES)
- 1 projek masing-masing bagi Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG).

Persidangan dan Pameran Antarabangsa Teknologi Hijau dan Produk Eko Malaysia (IGEM) 2023



Bertemakan **Usaha Ke Arah Rendah Karbon: Kepimpinan Dalam Tindakan Iklim, IGEM 2023** menyasarkan peluang perniagaan bernilai **RM4 bilion** dan **40,000 orang pengunjung** daripada lebih **40 buah negara.** Acara ini menjadi satu kemestian bagi mereka yang terlibat dalam rantaian nilai pembangunan mampan.

Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air (SPAN)

Meminda Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) yang bertujuan memperkemas tadbir urus dan memperkukuh integriti Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).



Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (DKBK) 2022-2030

Pelaksanaan persidangan ini menyokong Tindakan 16.1 Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (DKBK) 2022-2030 iaitu:

Memperkukuh dan menyelaraskan proses membuat keputusan di peringkat kebangsaan dan negeri melalui penganjuran persidangan secara tahunan untuk membincangkan serta melaporkan status dan pencapaian negara dalam pengurusan kepelbagaian biologi.

Persidangan ini juga menyediakan input ke arah merencana **tindakan-tindakan proaktif** bagi pemuliharaan kepelbagaian biologi.



Mesyuarat Majlis Air Negara (MAN) ke-5; Platform Penting Tetapkan Hala Tuju Pengurusan dan Pembangunan Air Negara

Pelaksanaan Dasar Air Negara adalah komitmen Kerajaan dalam usaha memastikan jaminan dan ketersediaan air untuk kesejahteraan rakyat dan ekosistem.

Pendekatan Dasar Air Negara adalah lebih holistik melalui pengukuhan kerangka dasar dan hala tuju meliputi tiga (3) aspek utama pengurusan air iaitu pengurusan sumber air, perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetungan.



Dasar Mineral Negara 3 (DMN3)

Memberikan tumpuan kepada usaha:

- Memperkasa perundangan dan persekitaran industri
- Memperkasa perundangan dan persekitaran industri
- Mengukuhkan keseluruhan rantaian nilai industri
- Meningkatkan pengaplikasian teknologi terkini
- Memperkasa modal insan tempatan dan memantapkan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam industri mineral.



Mesyuarat Tindakan Perubahan Iklim Malaysia (MTPIN)

- Cadangan pengukuhan MTPIN sebagai platform tertinggi dalam negara dalam menyelaras isu perubahan iklim dan penetapan dasar berkaitan pelaksanaan mekanisme pasaran karbon negara.

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim berperanan sebagai pihak berkuasa kebangsaan *(national authority)* untuk mengoperasikan mekanisme pasaran karbon.



Dasar Mineral Unsur Nadir Bumi (REE)



Kerajaan membangunkan dasar larangan eksport bahan mentah nadir bumi (REE) bagi mengelakkan eksploitasi dan kehilangan sumber sekali gus untuk menjamin pulangan yang maksimum buat negara.

Persidangan Air Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

Malaysia menekankan bahawa dunia memerlukan satu kerangka ketahanan yang bermula dengan air; di mana iklim, alam sekitar, dan pembangunan dapat digabungkan.

Malaysia juga mencadangkan penubuhan Agensi PBB khusus untuk Air. Selain itu, perlunya wujud mekanisme berterusan bagi negara-negara maju untuk memberikan bantuan teknikal dan pembangunan kapasiti bagi mencapai Matlamat Pembangunan Mampan 6 (SDG6).



COP28: Malaysia Telah Memainkan Peranan Penting Dalam Mengatasi Isu Kewangan Berkaitan Kewangan Dalam Perubahan Iklim



- Malaysia telah memainkan peranan penting berkaitan kewangan dalam perubahan iklim dengan menggesa negara maju menyumbang US$100 bilion setiap tahun.
- Usaha Strategi mitigasi jangka panjang akan menjadi kunci utama dalam membimbing perancangan dasar sektor dan rentas sektor selaras dengan matlamat Perjanjian Paris.

Mesyuarat Menteri Menteri ASEAN ke-41 Indonesia (AMEM-41)

- Malaysia, Indonesia, Brunei dan Filipina akan membentuk satu kumpulan fokus subrantau untuk meningkatkan kesalinghubungan sedia ada bagi kemampanan tenaga hijau.

- Sebanyak 12 projek dari Malaysia telah memenangi Anugerah Tenaga ASEAN (AEA) atau ASEAN Energy Awards bagi tahun 2023 semasa sesi pemberian hadiah bagi program selingan AMEM-41.

- AEA merupakan anugerah yang diwujudkan untuk menggalak dan mengiktiraf penerapan amalan tenaga lestari oleh sektor awam dan swasta di kalangan negara-negara ASEAN.



Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

YB Menteri NRECC telah mencadangkan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.



MALAYSIA MADANI

KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

TERIMA KASIH

